



SIARAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

"TEGAK 2025 CIPTA GELOMBANG BUDAYA BAHARU DI KUALA TERENGGANU"

KUALA TERENGGANU, 10 Ogos 2025 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Terengganu dengan kerjasama dan sokongan Kerajaan Negeri Terengganu serta dikelolakan oleh Majlis Kebudayaan Daerah Hulu Terengganu telah menganjurkan 'Temasya Tranung Kite 2025' (TEGAK), pada 8 – 10 Ogos 2025 (Jumaat - Ahad) bertempat di Pulau Warisan, Kuala Terengganu. Program kali ini merupakan penganjuran kali kedua (2) diadakan oleh JKKN selepas Program Merakyatkan Seni (PMS) Temasya Pantai Timur pada tahun 2009.

Temasya Tranung Kite 2025 merupakan sebuah inisiatif kebudayaan yang menghimpunkan pelbagai elemen warisan, seni dan budaya rakyat Terengganu. Bertemakan "Emping Warisan, Silat Perjuangan", yang mengangkat simbol emping sebagai kekuatan rakyat dan silat sebagai lambang perjuangan bangsa. Mengambil lokasi ikonik Pulau Warisan Kuala Terengganu, uniknya TEGAK kali ini ialah pengunjung berpeluang menikmati lagi Pertandingan Perahu Panjang dan Pertandingan Bot Berhias yang sebelum ini dibuat di Kuala Berang dan ditambah beberapa pertandingan baharu iaitu Pertandingan Gasing Leper Terengganu dan E-Sport dan juga pertunjukkan Wau Bercahaya. Temasya ini bukan sekadar medan hiburan dan pertunjukkan, tetapi juga ruang interaksi budaya antara generasi lama dan baru, antara komuniti desa dan bandar, serta antara warisan tradisi dan ekspresi kontemporari. Temasya

Tranung Kite 2025 diharap dapat menjadi pencetus semangat untuk terus memelihara budaya, menyatukan komuniti dan memperkukuh jati diri Malaysia berteraskan warisan Terengganu.

Penganjuran kali ini telah berjaya mengumpulkan seramai 3,250 orang peserta bagi kategori air dan darat, lima (5) pengisian acara sampingan dengan melibatkan 30 reruai jabatan dan agensi kerajaan, swasta, GLC @ Badan Korporat, persatuan, penggiat seni, universiti dan orang perseorangan serta melibatkan 60 gerai jualan makanan rakyat Tranung.

Bagi mendapatkan maklumat dan keterangan lanjut mengenai program ini, orang ramai boleh melayari media sosial JKKN iaitu mysenibudaya dengan pautan www.facebook.com/mysenibudaya.

-TAMAT-

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel : 03-2614 8200 Faks : 03-2697 0786

Website: www.jkkn.gov.my Email: ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dan @mysenibudaya 3

Instagram, Twitter & You Tube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Zahari bin Mat Timbalan Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Terengganu zahari@jkkn.gov.my Tel: 012-9538550	Nor Sahlina Aida binti Mohd Shah Penolong Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Terengganu sahlina@jkkn.gov.my Tel: 019-4561636
--	--

**TEKS UCAPAN
PERASMIAN**

**YANG BERTHORMAT Pengerusi Jawatankuasa
Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan
Perubahan Iklim Negeri Terengganu**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN TEMASYA TRANUNG KITE (TEGAK)
2025**

**PADA
PADA 09 OGOS 2025, JAM 05.00 PETANG**

**BERTEMPAT DI
PULAU WARISAN, KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU**

Bismillahirrahmanirrahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh dan
Salam Sejahtera.**

YB Datuk dimohon rujuk salulasi di atas rostrum

1. Alhamdulillah, pertama-tamanya, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun dalam suasana penuh meriah pada hari ini, bersempena **MAJLIS PERASMIAN TEMASYA TRANUNG KITE (TEGAK) 2025** di Pulau Warisan, Kuala Terengganu, Terengganu.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada pihak penganjur utama iaitu Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) yang dikelolakan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Negeri Terengganu serta rakan strategik dari pelbagai Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan atas kejayaan menganjurkan temasya yang amat bermakna ini.

3. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak MOTAC kerana telah meluluskan peruntukan kepada JKKN Terengganu bagi menganjurkan sekali lagi program seni budaya yang cukup berprestij ini. Inisiatif seperti ini amat kami hargai dan menjadi bukti sokongan berterusan terhadap usaha memperkasakan warisan budaya negeri.
4. Setulus penghargaan juga saya ucapkan kepada rakan-rakan kolaboratif daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta para penggiat seni dan budaya yang turut sama berganding bahu dalam menjayakan program ini. Sesungguhnya, semangat kerjasama merentas sektor ini merupakan contoh terbaik budaya muafakat yang harus diteruskan.

Sidang hadirin yang saya muliakan,

5. Untuk makluman, penganjuran TEGAK 2024 yang telah berlangsung di Daerah Hulu Terengganu telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan membuktikan bahawa masyarakat kita amat menghargai program berteraskan kebudayaan dan warisan tempatan.
6. Program ini bukan sekadar sebuah perhimpunan kebudayaan malah menjadi platform penting untuk mengetengahkan kekayaan seni, budaya, warisan dan keunikan tradisi rakyat Terengganu. Dari tarian tradisional seperti Ulek Mayang dan Rodat, sehinggalah kepada makanan warisan seperti Keropok Lekor dan Nasi Dagang, semuanya mencerminkan identiti dan jiwa masyarakat negeri ini yang kaya dengan nilai budaya.

7. Tidak dapat dinafikan, Terengganu terus mengekalkan kedudukannya sebagai destinasi pelancongan budaya dan warisan yang unggul di Malaysia, dengan pelbagai lokasi menarik seperti Tasik Kenyir, Taman Laut Pulau Redang dan Pulau Perhentian, selain keunikan senibina Islamik seperti Masjid Kristal dan Masjid Terapung yang menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.
8. Melalui TEGAK, kita dapat menyaksikan kemeriahan seni budaya Negeri Terengganu yang terkenal dengan adat, warisan dan nilai-nilai murni masyarakatnya selaras dengan *tagline* "Negeri Cantik, Budaya Menarik, Insya-Allah Orangnya Baik-Baik". Saya yakin program pelancongan berasaskan budaya seperti ini mampu menjadi satu tarikan utama pelancong serta mengangkat martabat budaya negeri kita ke peringkat lebih tinggi.

9. Program ini juga membuka peluang kepada pemain industri kreatif dan seni setempat untuk menonjolkan bakat serta karya masing-masing. Kerajaan Negeri menaruh harapan agar kelestarian budaya dan pengembangan bakat tempatan terutamanya dalam kalangan generasi muda untuk terus diperkasakan. Pertandingan dan program pencungkilan bakat yang dianjurkan mampu menjadi platform membina generasi pelapis seni yang cemerlang.
10. Selain melestarikan identiti kesenian, TEGAK turut memberi nilai tambah dari aspek ekonomi melalui penglibatan usahawan kecil, penggiat seni dan pengusaha kraf tempatan. Kesan limpahan ekonomi (*spill over effect*) ini amat penting dalam membantu komuniti tempatan menjana pendapatan menerusi rangkaian aktiviti pelancongan budaya.

11. Namun yang paling penting, program seperti ini berperanan besar dalam menyatukan masyarakat berbilang generasi dan latar belakang melalui kesenian dan budaya yang menjadi akar perpaduan. Seni dan budaya merupakan cerminan jati diri dan kita mesti menjaganya agar tidak lapuk ditelan zaman.
12. Dengan adanya penganjuran berterusan seperti TEGAK, kita dapat menyemarakkan semula seluruh ekosistem seni budaya Negeri Terengganu, merangkumi aktiviti seperti teater tradisional, tarian, muzik, permainan rakyat, seni kraf dan seni visual. Diharapkan agar golongan muda hari ini terus didedahkan dan diberi ruang untuk mendalami serta menghargai seni budaya negeri mereka sendiri.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

13. Saya juga ingin menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu sentiasa komited dalam memperkasakan industri pelancongan dan kebudayaan, termasuk dengan memberi sokongan kepada program akar umbi, pembangunan infrastruktur pelancongan serta pelbagai inisiatif promosi dan digitalisasi produk pelancongan budaya.
14. Akhir kata, saya mengucapkan Selamat Datang kepada semua pengunjung yang hadir dari dalam dan luar negeri. Nikmatilah keindahan bumi Terengganu, hayatilah kekayaan budaya serta keramahan rakyatnya. Semoga kunjungan ini meninggalkan seribu satu kenangan manis.

*Jambatan Angkat Kuala Terengganu indah berseri,
Pantai Batu Buruk jadi tumpuan,
Seni Terengganu indah berseni,
Tarikan pelancong sepanjang zaman.*

15. Dengan lafaz yang mulia dan suci,
Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya
merasmikan **Temasya Tranung Kite (TEGAK) 2025**.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh.

09 OGOS 2025 SABTU





